# JIKA AKTA UNIVERSITI HALANG KEBEBASAN AKADEMIK... — DR. M

# SAYA SEDIA BERTINDAK



DR. Mahathir mulakan tugas semalam.

*Kerajaan tidak halang penuntut pelajari pengajian yang dilarang tetapi amalkannya tidaklah boleh...*

INTERBIU DENGAN
MOHD. NOR SHAMSUDDIN

U M 7 SEP 1974

**KUALA LUMPUR 6 Sept. — Menteri Pelajaran yang baru, Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau sedia bertindak demi 'kebebasan akademik' sekiranya para pelajar dapat membuktikan Akta Universiti dan Universiti Kolej menyekat kebebasan akademik mereka.**

Tambahnya, beliau juga sedia bertemu dan berbincang perkara pokok akta tersebut dengan para pelajar.

Dr. Mahathir dan Timbalan Menteri Pelajaran, Encik Chan Siang Sun memulakan tugas hari ini dengan mengadakan pertemuan dengan para pegawai kanan kementerian itu di Bangunan Persekutuan di sini, setelah Dr. Mahathir mengambilalih tugasnya dari Haji Mohamad Yaakob.

Perlantikan Dr. Mahathir bagi menggantikan Haji Mohamad Yaakob dan Encik Chan diumumkan oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Semalam.

Bercakap dalam satu pertemuan dengannya, Dr. Mahathir yang juga seorang Ahli Majlis Tertinggi UMNO menyentuh perkara-perkara lain, di antaranya:

# Harapan pelajar

- Beliau akan terus menjadi Pengerusi Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia sehingga ada seorang lain yang sesuai untuk menggantikannya.
- Akan terus memegang jawatan Pengerusi FIMA sehingga ada pengganti "kerana Tun Razak sendiri pun telah memberikan persetujuannya."
- Didikan awal di bidang pelajaran adalah penting untuk membentuk sebuah negara yang bersatu yang kekal, tenang, kukuh dan berjaya.
- Beliau mempunyai beberapa idea dan cadangan bagi melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan, tetapi memerlukan banyak data sebelum kajian mengenainya dapat dilaksanakan.
- Kliniknya di Alor Setar akan ditutup berikutan dengan tanggungjawab barunya ini.

Dr. Mahathir yang tahu harapan para pelajar kepadanya mengenai akta itu berpendapat bahawa sekiranya akta itu menyekat kebebasan akademik, tentulah ia tidak sesuai.

Beliau berpendapat bahawa kebebasan akademik tidak boleh dikelirukan dengan bidang bertindak yang ditafsirkan sebagai akademik.

Beliau memberi contoh bahawa sekiranya untuk mempelajari teori ekonomi marxist sebagai satu pelajaran, beliau tidak percaya akta tersebut boleh menyekatnya.

munis di negara ini tentulah tidak boleh dilakukan, tambahnya.

Dr. Mahathir memberi contoh lain bahawa tidaklah sesuai sekiranya dibenarkan penuntut bertindak, sedangkan orangramai tidak dibenarkan.

Walau bagaimanapun, tambahnya, kerajaan tidak menghalang para penuntut mempelajari pengajian yang dilarang.

Dalam hubungan ini, beliau menyebut betapa di dalam khutubkhanah universiti-universiti negara ini banyak terdapat buku-buku yang dilarang kepada orang lain, tetapi tidak kepada penuntut.

Dr. Mahathir mensifatkan tugas barunya ini sebagai berat kerana kementerian ini mempunyai banyak masaalah yang melibatkan banyak pihak dan kerana itu tentulah tidak boleh memuaskan hati semua kalangan.

Dari pengalamannya di bidang pelajaran, Dr. Mahathir yang pernah menjadi Pengerusi Majlis Pelajaran Tinggi, Pengerusi Majlis Universiti Kebangsaan dan Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi percaya akan dapat menolongnya dalam tugas baru ini.

Katanya, pihaknya menganggap pelajaran sebagai proses yang menyediakan rakyat untuk mengambilalih tanggungjawab yang boleh membentuk negara yang bersatu yang kekal tenang, kukuh dan berjaya.

50.
MAHATHIR
BM

1974

IPOH, SEPT. 13 (BERNAMA) -- EDUCATION MINISTER DR. MAHATHIR MOHAMED PLEDGED TODAY TO TAKE STEPS TO IMPROVE THE ADMINISTRATIVE SET-UP OF PRIMARY SCHOOLS, ESPECIALLY IN THE RURAL AREAS, AND MAKE SURE THAT THEY HAVE ADEQUATE FACILITIES.

THESE MEASURES ARE TO CHECK THE DROP-OUT PROBLEM, HE SAID, ADDING THAT PRIMARY SCHOOLING SHOULD PROVIDE PUPILS WITH A STRONG FOUNDATION FOR SECONDARY EDUCATION.

SPEAKING AT THE SPEECH AND PRIZE GIVING DAY OF THE SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN RAJA PEREMPUAN HERE, HE SAID A REPORT RECENTLY SUBMITTED TO THE GOVERNMENT SHOWED THAT THE MAJORITY OF DROP-OUTS WERE FROM SCHOOLS IN THE RURAL AREAS.

BESIDES POVERTY AND LACK OF FACILITIES, THE DROP-OUT PROBLEM WAS DUE TO LACK OF ENCOURAGEMENT AND THE ATTITUDE OF TEACHERS TOWARDS PUPILS. -- BERNAMA MORE 1537/ZCM

51:
MAHATHIR 2 IPOH

DR. MAHATHIR SAID HE WOULD VISIT SCHOOLS WITH INADEQUATE FACILITIES TO BE BETTER ACQUAINTED WITH THE SITUATION.

HE PLEDGED THAT HE WOULD ALSO FOLLOW CLOSELY THE PROGRESS OF SCHOOLS WHICH WERE EQUIPPED WITH MODERN FACILITIES.

ALTHOUGH HE WOULD VISIT THESE SCHOOLS LESS OFTEN THAN HE WOULD THOSE IN THE OUTLYING AREAS, HE WOULD CHECK ON THEIR PROGRESS BY STUDYING EXAMINATION AND OTHER REPORTS SUBMITTED BY SCHOOL SUPERVISORS AND ADMINISTRATORS.

+IF THIS IS NOT ENOUGH, IA AND OFFICERS OF MY MINISTRY WILL ASK FOR OTHER REPORTS,+ HE SAID.

HE SAID STUDENTS IN FULLY EQUIPPED SCHOOLS MUST WORK HARD TO JUSTIFY THE MILLIONS OF DOLLARS SPENT ON THEM. -- BERNAMA MORE 1540/ZCM

52:
MAHATHIR 3 IPOH

DR. MAHATHIR STRESSED THAT THE GOVERNMENT WAS GIVING EQUAL OPPORTUNITIES IN EDUCATION TO BOYS AND GIRLS BECAUSE IT BELIEVED THAT AN EDUCATED CITIZENTRY COULD ENSURE NATIONAL PROSPERITY AND SECURITY.

HE SAID SCHOOLGIRLS SHOULD ALSO GIVE EQUAL EMPHASIS TO THE STUDY OF DOMESTIC SCIENCE AND RELIGIOUS RELIGION.

THIS WAS NECESSARY BECAUSE THEY WOULD ONE DAY BE MOTHERS WITH RESPONSIBILITIES TO HOME AND FAMILY. AMONG OTHER THINGS, THEY WOULD HAVE TO GIVE PROPER GUIDANCE TO THEIR CHILDREN.

DR. MAHATHIR URGED SCHOOL ADMINISTORS TO BE IN CLOSE TOUCH WITH LOCAL LEADERS. -- BERNAMA 1542/ZCM